

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PEPERIKSAAN AKHIR SECARA DALAM TALIAN BAGI INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN KUALA LUMPUR

1. PENGENALAN

- 1.1. Garis panduan ini disediakan bagi tujuan pelaksanaan peperiksaan secara dalam talian yang akan berkuatkuasa pada sesi 1/2020.
- 1.2. Garis panduan ini meliputi beberapa fasa iaitu fasa sebelum dan semasa peperiksaan akhir dijalankan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Kerajaan telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat secara berperingkat bermula 14 Oktober 2020 sehingga 6 Disember 2020.
- 2.2. Justeru itu, Jabatan telah menetapkan peperiksaan akhir hendaklah dilaksanakan secara dalam talian.
- 2.3. Peperiksaan akhir secara dalam talian akan diadakan mengikut jadual peperiksaan yang ditetapkan oleh Jabatan.

3. OBJEKTIF

Objektif garis panduan ini adalah untuk:

- 3.1. Memastikan peperiksaan akhir secara dalam talian dapat diuruskan dengan lebih teratur dan lancar; dan
- 3.2. Memberi panduan kepada pengajar dalam mengendalikan peperiksaan akhir secara dalam talian.

4. FASA SEBELUM PEPERIKSAAN AKHIR

- 4.1. Pengajar perlu meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan sebarang bentuk platform yang bersesuaian bagi menyelesaikan proses pengajaran yang tergendala akibat PKPB.
- 4.2. Soalan dipastikan lengkap dan disimpan rapi dalam bentuk salinan lembut (*softcopy*).
- 4.3. Cetakan soalan peperiksaan akhir secara dalam talian adalah tidak diperlukan.
- 4.4. Pengurusan jadual peperiksaan akhir:
 - 4.4.1. Jadual peperiksaan akhir secara dalam talian akan diselaraskan di peringkat institut dengan merujuk kepada Jadual yang diberikan oleh ibu pejabat.
 - 4.4.2. Pengajar perlu menghebahkan jadual peperiksaan akhir kepada pelajar menggunakan pelbagai bentuk platform seperti aplikasi whatsapp, telegram dan e-mel.
 - 4.4.3. Peperiksaan akhir secara dalam talian dijalankan dalam satu (1) sesi peperiksaan (Rujuk Jadual 1).

Jadual 1: Sesi Peperiksaan Akhir Secara Dalam Talian

Tarikh (Hari)	Modul	Masa	Catatan
30/11/2020 (Isnin)	Teori Kertas 1	10.00am – 11. 30am	Kertas peperiksaan JPK 60 soalan objektif
	Semakan portfolio	8.00am – 5. 00pm	Semakan oleh PPL
1/12/2020 (Selasa)	Teori Kertas 2	10.00am – 12.30pm	Kertas peperiksaan JTM soalan subjektif
	Semakan portfolio	8.00am – 5. 00pm	Semakan oleh PPL
2/12/2020 (Rabu)	Ulang nilai	10.00am – 11. 30am	Teori Kertas 1
	Semakan portfolio	8.00am – 5. 00pm	Semakan oleh PPL

4.5. Pengawas Peperiksaan Akhir:

- 4.5.1. Pengajar setiap bahagian bertanggungjawab sebagai pengawas peperiksaan dan perlu memantau perjalanan peperiksaan akhir bagi bidang masing-masing.
- 4.5.2. Pengajar setiap bahagian hendaklah berada di tempat yang ditetapkan sepanjang tempoh peperiksaan yang dijadualkan berlangsung. Segala persoalan berkaitan soalan adalah secara terus kepada pengajar yang berkaitan.

4.6. Tempoh peperiksaan

Peruntukan masa yang sesuai akan diberikan kepada pelajar seperti berikut:

- i. Tempoh pengisian maklumat dan pengakuan yang berkaitan dalam googleform: 15 minit diberikan link sebelum kertas soalan diedarkan
- ii. Kertas soalan akan diedarkan 15 minit sebelum peperiksaan bermula
- iii. Tempoh menjawab soalan: bergantung kepada kertas peperiksaan modul yang berkenaan (Rujuk Jadual Peperiksaan)
- iv. Tempoh penghantaran jawapan: 15 minit selepas peperiksaan berakhir untuk memuatnaik ke dalam platform yang disediakan

4.7. Platform Peperiksaan Akhir

Platform peperiksaan akhir ditentukan dengan mengambil kira pelbagai aspek dari segi kelancaran perjalanan peperiksaan secara dalam talian dan kekangan yang terlibat. Platform yang akan digunakan bagi menjalankan peperiksaan akhir adalah google classroom, aplikasi whatsapp dan aplikasi pengimbas yang bersesuaian (contohnya camscanner, clearscanner dan lain-lain). Kaedah ini dipilih kerana penggunaan internet yang minimum dan kelancaran perjalanan peperiksaan tidak bergantung kepada kelancaran internet sepenuhnya. Penggunaan platform adalah seperti berikut:

- i. Aplikasi whatsapp menjadi medium perantaraan antara pengajar, urusetia peperiksaan dan pelajar. Pengajar perlu mewujudkan satu group whatsapp bagi setiap bidang untuk pengajar, pelajar terlibat dan urusetia peperiksaan. Pastikan pelajar mempunyai aplikasi whatsapp dan mahir menggunakannya.
- ii. Pelajar hendaklah mempunyai e-mail yang aktif. E-mail tersebut akan digunakan bagi tujuan pendaftaran akaun googleclassroom.
- iii. Pelajar perlu memuat turun aplikasi pengimbas dalam telefon bimbit. Aplikasi ini hendaklah digunakan bagi mengimbas kertas jawapan untuk diserahkan kepada pengajar melalui platform google classroom yang telah disediakan.

Pelajar juga perlu mempunyai peralatan yang lengkap seperti peranti mudah alih, talian internet, alat tulis dan kertas A4.

5. FASA SEMASA PEPERIKSAAN

5.1. Peranan pelajar

- 5.1.1. Pelajar hendaklah bersedia secara dalam talian dan mengawasi notifikasi baharu bagi group whatsapp peperiksaan yang diwujudkan.
- 5.1.2. Mengisi maklumat dan pengakuan yang berkaitan dalam googleform dalam masa 15 minit. Link akan diberikan oleh urusetia peperiksaan.
- 5.1.3. Memuat turun dan menyemak kertas soalan dalam masa 15 minit. Pelajar dibenarkan untuk mencetak kertas soalan.
- 5.1.4. Jawapan pelajar hendaklah ditulis pada kertas yang bersesuaian. Pelajar adalah digalakkan mencetak kertas peperiksaan (*examination pad*) / borang OMR yang telah diedarkan oleh pengajar sebelum minggu peperiksaan untuk digunakan semasa peperiksaan.
- 5.1.5. Maklumat pelajar hendaklah ditulis pada setiap helaian kertas jawapan. Maklumat adalah seperti berikut:
 - i. NAMA PENUH
 - ii. NOMBOR DAFTAR PELAJAR (NDP)
 - iii. NAMA KURSUS
 - iv. SEMESTER
- 5.1.6. Pelajar hendaklah mengimbas kertas jawapan menggunakan aplikasi pengimbas atau mesin pengimbas. **Fail** hendaklah disimpan menggunakan **NDP pelajar** dan dalam **bentuk pdf** sahaja.
- 5.1.7. Pelajar hendaklah memuatnaik Fail Jawapan (.pdf) ke dalam platform yang disediakan. Tempoh yang dibenarkan adalah 15 minit selepas peperiksaan berakhir. **Jawapan tidak akan diterima sekiranya dimuat naik selepas tempoh yang dibenarkan.**
- 5.1.8. Pelajar perlu memaklumkan kepada pengajar status penghantaran kertas jawapan.
- 5.1.9. Rujuk pelaksanaan peperiksaan secara dalam talian di **Lampiran 1**.

5.2. Peranan Pengajar

- 5.2.1. Berada di tempat yang telah ditetapkan 30 minit sebelum peperiksaan bermula dan sepanjang peperiksaan berlangsung.
- 5.2.2. Bersedia secara dalam talian dan mengawasi notifikasi baharu dalam group whatsapp peperiksaan yang telah diwujudkan.
- 5.2.3. Memantau perjalanan peperiksaan akhir secara dalam talian dan sentiasa bersedia dihubungi pelajar sepanjang peperiksaan akhir berlangsung.
- 5.2.4. Memastikan pelajar bersedia dengan peralatan peperiksaan seperti telefon bimbit/laptop/komputer dengan sambungan internet, alat tulis, kertas A4/kertas peperiksaan (*examination pad*).
- 5.2.5. Memastikan pelajar mengisi Borang Akujanji Integriti Pelajar dan borang kehadiran terlebih dahulu sebelum peperiksaan akhir bermula.
- 5.2.6. Memastikan semua pelajar memuat naik jawapan dalam masa yang ditetapkan.
- 5.2.7. Melengkapkan borang pengesahan terima kertas jawapan.
- 5.2.8. Memuat turun kertas jawapan pelajar bagi tujuan semakan dan rekod.
- 5.2.9. Rujuk pelaksanaan peperiksaan secara dalam talian di **Lampiran 2**.

5.3. Peranan urusetia

- 5.3.1. Berada di tempat yang telah ditetapkan 30 minit sebelum peperiksaan bermula dan sepanjang peperiksaan berlangsung.
- 5.3.2. Bersedia secara dalam talian dan mengawasi notifikasi baharu bagi group whatsapp peperiksaan yang telah diwujudkan.
- 5.3.3. Memantau perjalanan peperiksaan akhir secara dalam talian dan sentiasa bersedia dihubungi pelajar sepanjang peperiksaan akhir berlangsung.
- 5.3.4. Bersedia membantu pengajar bidang bagi memastikan kelancaran perjalanan peperiksaan akhir.
- 5.3.5. Mengedarkan borang yang perlu dilengkapkan oleh pengajar bidang.

5.4. Jangkaan Kemungkinan

- 5.4.1. Sekiranya terdapat masalah berkenaan capaian internet dan akses:
 - i. Pelajar hendaklah memaklumkan kepada pengajar dengan kadar segera.
 - ii. Sekiranya masalah capaian/akses dapat diselesaikan dalam tempoh tiga puluh (30) minit atau kurang daripada tempoh peperiksaan akhir, pelajar dibenarkan untuk meneruskan peperiksaan akhir tersebut dengan masa tambahan diberikan selama tempoh gangguan yang berlaku.

- iii. Sekiranya masalah tersebut tidak dapat diselesaikan dalam tempoh tiga (30) minit atau lebih setelah peperiksaan akhir bermula, pelajar perlu memaklumkan kepada pengajar bidang dan membuat permohonan peperiksaan khas kepada institut.

5.4.2. Pelajar yang lewat hadir tetapi tidak melebihi 30 minit daripada waktu peperiksaan dimulakan, dibenarkan mengambil peperiksaan, tetapi waktu tamat peperiksaannya bagi kursus tersebut adalah sama dengan pelajar lain. Pelajar tidak dibenarkan menduduki peperiksaan sekiranya hadir melebihi 30 minit daripada waktu peperiksaan dimulakan.

TATACARA PELAKSANAAN PEPERIKSAAN (PELAJAR)

BIL	TINDAKAN	CATATAN
1	Persediaan	<ul style="list-style-type: none"> - Pelajar digalakkan mencetak kertas peperiksaan / borang OMR yang telah diedarkan untuk digunakan semasa peperiksaan. - Pelajar dikehendaki bersedia 30 minit sebelum peperiksaan bermula - Pastikan keperluan peralatan seperti telefon bimbit/peranti mudah alih, kertas dan alat tulis adalah lengkap
2	Isi maklumat pelajar dan aku janji	<ul style="list-style-type: none"> - Klik link dan isi maklumat pelajar (Nama, NDP, Kursus, Semester, Nama Subjek) - 15 minit tempoh yang dibenarkan <p>*Maklumkan kepada pengajar jika tidak dapat mengakses link yang diberikan</p>
3	Muat turun kertas soalan	<ul style="list-style-type: none"> - Klik link yang diberikan. Dibenarkan untuk cetak jika perlu. - 15 minit tempoh yang dibenarkan sebelum dibenarkan menjawab
4	Jawab soalan	<ul style="list-style-type: none"> - Mula menjawab soalan apabila dimaklumkan melalui group whatsapp - Menggunakan kertas yang sesuai (A4/examination pad) - Isi maklumat pelajar pada setiap helaian jawapan - Maklumat pelajar : Nama, NDP, Kursus, Semester, Nama Subjek - Tempoh 1 jam 30 minit (kertas 1) dan 2 jam 30 minit (kertas 2)
5	Scan kertas jawapan	<ul style="list-style-type: none"> - Waktu tamat menjawab akan dimaklumkan melalui group whatsapp - Scan jawapan menggunakan aplikasi pengimbas (cth: camscanner, clearscanner dan lain-lain) atau mesin pengimbas - Semua helaian diimbas dalam satu fail sahaja - Namakan fail dengan NDP pelajar dalam format pdf sahaja
6	Hantar fail jawapan	<ul style="list-style-type: none"> - Muatnaik fail (.pdf) dalam google classroom (menggunakan link yang diberikan) - Tempoh yang dibenarkan adalah 15 minit selepas tamat waktu menjawab soalan <p>*Kertas jawapan yang dimuatnaik selepas 15 minit tidak diterima</p>
7	Maklumkan kepada pengajar	<ul style="list-style-type: none"> - Maklumkan kepada pengajar setelah fail berjaya dihantar

***SEBARANG PERTANYAAN DAN PERMASALAHAN HENDAKLAH BERHUBUNG DENGAN PENGAJAR BIDANG**

TATACARA PELAKSANAAN PEPERIKSAAN SECARA DALAM TALIAN (PENGAJAR)

BIL	TINDAKAN	CATATAN
1	Persediaan	- Membuat pemakluman kepada pelajar untuk bersedia 30 minit sebelum peperiksaan bermula
2	Memastikan semua pelajar hadir	- Memastikan pelajar telah mengisi borang kehadiran - Menghubungi pelajar yang tidak hadir selepas 10 minit link kehadiran diedarkan
3	Memastikan pelajar memuat turun kertas soalan	- Memastikan semua pelajar berjaya memuat turun soalan daripada link yang diberi
4	Memantau perjalanan peperiksaan akhir	- Berada di tempat yang disediakan sepanjang tempoh peperiksaan - Bersedia menerima dan memberi maklum balas kepada pelajar
5	Memastikan pelajar memuatnaik kertas jawapan	- Memastikan semua pelajar berjaya memuatnaik kertas jawapan ke dalam platform googelclassrom - Memastikan kertas jawapan yang dimuatnaik dalam bentuk fail pdf - Memastikan fail yang dimuatnaik adalah jelas dan boleh dibaca - Memastikan pelajar memuatnaik jawapan dalam tempoh 15 minit selepas tamat tempoh menjawab soalan
6	Muat turun dan cetak kertas jawapan	- Muat turun dan cetak kertas jawapan bagi semua pelajar - Melengkapkan borang pengesahan terima kertas jawapan setelah menyemak kertas jawapan yang dimuatnaik oleh pelajar. Pastikan kertas jawapan tersebut dalam keadaan yang telah ditetapkan. - Serahkan borang yang telah dilengkapkan kepada urusetia peperiksaan bersama dengan kertas jawapan yang telah dicetak